

**EVOLUSI PENDIDIKAN VERNAKULAR CINA DI SARAWAK:  
ANALISIS SEJARAH DASAR PENDIDIKAN DAN LAPORAN  
PENTADBIRAN, 1841-1963**  
***EVOLUTION OF CHINESE VERNACULAR EDUCATION IN SARAWAK:  
HISTORICAL ANALYSIS OF EDUCATIONAL POLICY AND  
ADMINISTRATIVE REPORT, 1841-1963***

ALLAN LEONARD KHO

*Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan,*

*Universiti Malaysia Sabah, 88400 Kota Kinabalu, Sabah, Malaysia*

*Corresponding Author: allan\_leonard\_kho\_ma20@iluv.ums.edu.my*

*Tarikh dihantar: 10 September 2024 | Tarikh diterima: 14 Oktober 2024 | Tarikh diterbit: 31 Disember 2024*

*DOI: DOI: <https://doi.org/10.51200/ejk.v30i.5838>*

**ABSTRAK** Kepentingan pendidikan kepada masyarakat Cina mampu dibuktikan dengan tertubuhnya sekolah-sekolah Cina yang didirikan serta dibiayai oleh masyarakat Cina sendiri tanpa sedikit pun bantuan daripada kerajaan pemerintah. Satu analisis mengenai dasar pendidikan dan laporan pendidikan di Sarawak dilakukan untuk meninjau sejauh mana signifikan dan kesannya terhadap sekolah rendah vernakular Cina di Sarawak. Pada masa yang sama, penulisan ini juga akan menganalisis perkembangan pendidikan vernakular Cina kesan daripada dasar pendidikan dan laporan pendidikan yang telah dilaksanakan. Dapatkan kajian membuktikan pendidikan vernakular Cina di Sarawak sentiasa dipantau dan diberikan perhatian oleh kerajaan pemerintah kerana penggunaan bahasa Mandarin dikatakan boleh membawa ancaman keharmonian kepada Sarawak. Dalam pada itu juga, status sekolah vernakular Cina di Sarawak juga mengalami beberapa perubahan sehingga pembentukan Malaysia 1963. Kajian ini adalah bersifat kualitatif iaitu menggunakan pendekatan sejarah berdasarkan laporan-laporan rasmi, dokumen rasmi, surat khabar dan lain-lain sumber sekunder. Kepentingan penulisan ini berupaya untuk memperkenalkan salah satu warisan pendidikan vernakular yang masih kekal di Sarawak.

**Kata Kunci:** Dasar Pelajaran, Laporan Pendidikan, Sarawak, Sekolah Rendah Vernakular Cina.

**ABSTRACT** *The importance of education to the Chinese community is proven by the establishment of Chinese schools that are capable and financed by the Chinese community themselves without any help from the government. To assess the degree of relevance and influence on Chinese vernacular primary schools in Sarawak, an analysis of education policy and education report was conducted. This article will also analyze the development of Chinese vernacular education due to the educational policies and education reports that have been implemented. The research findings prove that Chinese vernacular education in Sarawak is always monitored and given special attention by the government because the use of Mandarin is considered a threat to the harmony in Sarawak. Meanwhile, the status of Chinese vernacular schools in Sarawak also experienced several changes until the formation of Malaysia in 1963. This discussion is qualitative in nature, which uses a historical approach and analysis on primary historical documents such as official reports, official documents, newspapers as well as secondary sources. The importance of this writing is trying to introduce one of the vernacular educational heritages that still remain in Sarawak.*

**Keywords:** Education Policy, Education Report, Sarawak, Chinese Vernacular Primary School.

## PENGENALAN

Kepentingan pendidikan kepada masyarakat Cina di Sarawak mampu dibuktikan dengan tertubuhnya sekolah-sekolah Cina yang didirikan serta dibiayai oleh masyarakat Cina tanpa sedikit pun bantuan daripada kerajaan. Sejarah pentadbiran negeri Sarawak boleh dikatakan antara aspek yang cukup dinamik untuk dibincangkan. Segala urus tadbir negeri Sarawak perlulah dinilai bermula dari pentadbiran politiknya kerana ini secara tidak langsung menjadi kayu ukur kepada hala tuju bidang pendidikan negeri Sarawak. Pentadbiran negeri Sarawak dikatakan dinamik kerana tampuk pentadbiran Sarawak telah diperintah oleh beberapa kuasa yang berlainan. Bermula daripada pemerintahan keluarga Brooke, pemerintahan sementara rejim Jepun ketika Perang Dunia Kedua, pentadbiran tentera British (*British Military Administration- BMA*) dan akhir sekali Sarawak dijadikan koloni Inggeris di bawah *British Crown* sebelum menyertai pembentukan Malaysia pada tahun 1963. Perkembangan bidang pendidikan Sarawak secara keseluruhannya adalah dipengaruhi oleh transisi pemerintahan. Sarawak telah melalui beberapa fasa transisi pemerintahan maka hal ini secara tidak langsung telah memberikan impak besar terhadap perkembangan pendidikan di Sarawak. Pelaksanaan dasar pendidikan mengalami perubahan disebabkan adanya perubahan dasar dan corak pemerintahan di Sarawak. Oleh itu, sedikit banyak menjadikan bidang pendidikan di Sarawak sentiasa mengalami pembaharuan dan penambahbaikan mengikut corak pemerintah yang berbeza. Pendidikan masyarakat Cina antara pendidikan yang sangat terkesan dengan perubahan perkembangan dasar pendidikan yang dijalankan oleh kerajaan pemerintahan. Rentetan daripada itu, makalah ini bertujuan untuk mengesan dasar dan laporan pendidikan yang dilaksanakan oleh kerajaan Sarawak terhadap pendidikan vernakular Cina. Selain itu, penulisan ini juga akan menganalisis kesan dasar pendidikan dan laporan pendidikan terhadap perkembangan pendidikan rendah vernakular Cina.

## METODOLOGI

Perbincangan ini adalah berdasarkan analisis kandungan ke atas dokumen-dokumen sejarah yang bersifat primer serta sumber sekunder yang berkaitan. Penelitian ke atas kandungan sumber-sumber primer seperti laporan pendidikan (*Blue Report, Hamond Report, WoodHead Report, Mc Lellan Report, Report of the Inter-Governmental Committee*), rekod kerajaan, akhbar (*Sarawak Gazette*) dan dokumen rasmi kerajaan (Surat Pekeliling Ikhtisas). Selain itu, kajian komparatif turut digunakan ke atas beberapa kajian lepas, artikel jurnal, tesis dan buku yang berkaitan seperti yang disenaraikan dalam rujukan. Analisis kandungan ini hanya akan berfokus kepada fakta-fakta yang mempunyai aspek pendidikan vernakular Cina khususnya pendidikan rendah mengikut peredaran masa dari tahun 1841 hingga 1963.

## DAPATAN DAN PERBINCANGAN

### Dasar Pendidikan Keluarga Brooke

Pemerintahan keluarga Brooke merupakan kuasa pemerintahan yang paling lama di Sarawak. Semasa pemerintahan Rajah James Brooke, dasar pemerintahan bersifat tidak bercampur tangan telah diamalkan dan begitu juga dalam bidang pendidikan. Fokus utama pemerintahan James Brooke lebih tertumpu kepada pembangunan politik dan ekonomi memandangkan kedua-dua aspek ini mampu mengukuhkan kedudukannya di Sarawak. Oleh itu, tidak ada satu dasar pendidikan yang jelas mengenai pendidikan orang Cina bahkan pendidikan kaum lain. Justeru, pembangunan pendidikan masyarakat Cina sekadar menubuhkan sekolah persendirian tanpa melibatkan entiti pemerintah. Sukatan pelajaran yang digunakan pula diadaptasikan sepenuhnya dari negara China. Perkara ini memperlihatkan pada zaman awal pemerintahan keluarga Brooke iaitu semasa pentadbiran James Brooke hanya bersikap "melepas tangan" membiarkan masyarakat Cina sendiri mengurus pembangunan pendidikan. (Yeo, 2011)

Semasa pemerintahan Rajah kedua pula, Charles Brooke juga tidak mempunyai satu dasar pendidikan yang jelas terhadap bidang pendidikan masyarakat Cina. Walaupun demikian, kerajaan menggalakkan penubuhan institusi pendidikan yang bersifat vernakular. Galakan ini telah mendorong penubuhan sekolah pendidikan vernakular Cina di seluruh Sarawak. Dari tahun 1912 hingga 1917, sekolah vernakular Cina berkembang dengan cepat, hanya dalam masa enam tahun sahaja Sarawak telah mempunyai 11 buah sekolah rendah vernakular Cina (Ooi Keat Gin, 1994; 507). Kerajaan juga menekankan setiap kumpulan kaum di Sarawak untuk mengekalkan keunikan identiti masing-masing melalui pendidikan yang disesuaikan dengan corak kebudayaan setiap kumpulan etnik. Oleh itu, tidak ada keperluan untuk memperkenalkan sistem kurikulum Barat dan penggunaan bahasa Inggeris. Tujuan ini tentunya ingin mengekalkan pola identiti setiap kaum. Kerajaan beranggapan pengenalan sistem kurikulum Barat akan menimbulkan perselisihan faham dan kerisauan dalam kalangan penduduk Sarawak. Oleh hal yang sedemikian, disarankan agar sistem pendidikan menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar di sekolah (Syed & Santhiram, 1990; 61).

Berkenaan dengan pendidikan Cina pula, Charles Brooke berpandangan bahawa pendidikan Cina seharusnya menggunakan dialek Cina masing-masing sebagai bahasa pengantar di sekolah agar mereka dapat menguasai dialek masing-masing (Van Der Kroef, 1966; Douglas P, 1964 ). Ketua-ketua masyarakat orang Cina telah digalakkan untuk menubuhkan sekolah bagi generasi baharu yang menggunakan dialek sebagai bahasa pengantar (Ooi, 1994). Di daerah Sibu misalnya, Sekolah Chung Cheng dan Sekolah Chung Hua masing-masing ditubuhkan pada tahun 1906 dan 1907 untuk komuniti Cina berdialek Foochow. Sekolah Min Teck ditubuhkan untuk komuniti Cina berdialek Teochew di Kuching. Sekolah Free Hokkien ditubuhkan pada tahun 1912 untuk komuniti Cina berdialek Hokkien dan begitu juga di Saratok, Sekolah Min Syn ditubuhkan oleh komuniti Cina berdialek Hokkien pada tahun 1919 (Ho, 2012). Pola penubuhan sekolah vernakular terus berkembang sehingga zaman

pemerintahan Charles Vyer Brooke. Sistem pendidikan berpaksikan negara China dan guru-guru serta buku teks juga dibawa masuk dari negara China. Walaupun tidak ada campur tangan dan dasar pendidikan yang jelas namun kerajaan tetap risau mengenai pendidikan masyarakat Cina khususnya berkenaan dengan pendekatan yang digunakan untuk mengajar dialek di sekolah-sekolah vernakular Cina (The Sarawak Gazette, 1871; Ooi, 1994).

### **Penubuhan Jabatan Pelajaran Sarawak 1924**

Selepas pemerintahan Charles Brooke, pentadbiran negeri Sarawak diambil alih oleh pewaris seterusnya iaitu Charles Vyner Brooke. Era pentadbiran Charles Vyner Brooke dilihat telah banyak membawa perubahan terhadap pembangunan pendidikan vernakular Cina. Salah satu usaha yang signifikan kerajaan terhadap sektor pendidikan Sarawak iaitu memperkenalkan Jabatan Pelajaran Sarawak (Syed & Santhiram, 1990; 69). Jabatan Pelajaran Sarawak ditubuhkan pada tahun 1924. Penubuhan jabatan ini memberikan lonjakan baharu kepada pembangunan bidang pendidikan Sarawak dan memberikan keyakinan bahawa kerajaan mula mengambil berat mengenai isu-isu pendidikan. Fungsi Jabatan Pelajaran Sarawak ini bukanlah bertindak sebagai badan penggubal sistem kurikulum sekolah tetapi hanya merupakan sebuah platform pentadbiran bagi penyeliaan dan mengawal pertumbuhan sekolah-sekolah yang semakin meningkat setiap tahun khususnya sekolah vernakular Cina. Registration of Schools 1924 di bawah Order No. LX telah diperkenalkan oleh Jabatan Pelajaran Sarawak. Peraturan ini bertujuan untuk mewajibkan semua sekolah yang ditubuhkan sebelum Januari tahun 1925 dan tahun-tahun selepasnya perlu didaftarkan di bawah Jabatan Pelajaran Sarawak (The Sarawak Government Gazette, 1924). Kerajaan mula menggesa semua sekolah khususnya sekolah yang bersifat persendirian seperti sekolah vernakular Cina untuk mendaftar di bawah Jabatan Pelajaran Sarawak bagi memudahkan proses penaziran dan pemeriksaan dilakukan. Proses penaziran yang dilaksanakan meliputi semua aspek yang melibatkan keseluruhan tadbir urus sekolah seperti pemeriksaan tahap kesihatan dan kebersihan, penilaian penggunaan buku-buku teks, rekod kewangan dan rekod sekolah, rekod kehadiran murid serta tahap pengawalan disiplin sekolah (Syed & Santhiram, 1990; 69).

### **Undang-Undang Order No. LVII (Peraturan Larangan Pengajaran Bahasa Mandarin)**

Situasi pasca Perang Dunia Pertama telah memberikan tekanan kepada Jabatan Pelajaran Sarawak kerana pertumbuhan sekolah vernakular Cina di Sarawak lebih pesat jika dibandingkan dengan sekolah vernakular yang lain. Peningkatan jumlah ini berpunca daripada penyebaran semangat nasionalisme China dan kesan daripada Revolusi China 1911 yang mula tersebar luas ke wilayah Nanyang. Di Tanah Melayu misalnya, sekolah vernakular Cina mula dijadikan sebagai sasaran untuk penyebaran unsur-unsur subversif ajaran Kuomintang dan memupuk semangat nasionalisme China. Situasi sama turut berlaku di Sarawak, kegiatan penyebaran nasionalisme China mula dikesan di sekolah rendah vernakular Cina. Pasca Perang Dunia Pertama telah memperlihatkan sebilangan kecil sekolah rendah vernakular Cina mula memperkenalkan dan mengajar bahasa Mandarin atau 国语Guo-yu sebagai salah satu mata pelajaran. Bukan itu sahaja, sekolah-sekolah ini turut menggantikan penggunaan bahasa

pengantar di sekolah daripada dialek kepada bahasa Mandarin. Kegiatan pengajaran dan penggunaan bahasa Mandarin sebagai mata pelajaran dan bahasa pengantar berjaya dikesan oleh Jabatan Pelajaran Sarawak. Satu perkara yang perlu difahamkan adalah kerisauan sebenar kerajaan mengenai bahasa Mandarin adalah ia berupaya menyatukan masyarakat Cina yang terdiri daripada pelbagai dialek untuk bangkit bersama dan mengancam keamanan Sarawak.<sup>1</sup> Keadaan semakin serius apabila sekolah rendah vernakular Cina mula menggunakan lagu kebangsaan China serta buku teks cetakan keluaran penerbitan dari wilayah Shanghai yang dikatakan hasil penulisan daripada para revolucioner China (Yeo, 2012).

Oleh yang demikian, usaha untuk mengekang penularan penggunaan bahasa Mandarin perlu difikirkan segera. Pada tahun 1924, kerajaan mengambil langkah yang tegas dengan mengeluarkan undang-undang Order No. LVII iaitu peraturan larangan pengajaran bahasa Mandarin di sekolah vernakular Cina. Peraturan ini mula dikuatkuasakan pada Januari 1925 (The Sarawak Gazette, 1924; 450). Ironinya, selepas setahun pelaksanaan undang-undang Order No. LVII, kerajaan mendapati bahawa risiko bahasa Mandarin sebagai medium penyebaran propaganda Komunis tidaklah begitu serius di Sarawak. Melihat kepada situasi penggunaan bahasa Mandarin di Sarawak yang masih lagi dalam keadaan yang terkawal maka kerajaan bertindak menarik semula undang-undang Order No. LVII. Meskipun undang-undang Order No. LVII telah ditarik semula oleh kerajaan tetapi Jabatan Pelajaran Sarawak tetap melakukan pengawasan ketat terhadap perkembangan sekolah vernakular Cina. Ini disebabkan oleh sekolah vernakular Cina lebih bersifat persendirian dan segala hal-ehwal pentadbiran sekolah dikawal selia oleh Lembaga Pengurusan Sekolah atau 校董xiao-dong yang ditubuhkan khas oleh sekolah itu sendiri. Lembaga pengurusan tersebut disokong oleh persatuan orang Cina masing-masing membuatkan kerajaan masih berwaspada terhadap ancaman nasionalisme yang berlaku di China.

Pemantauan ketat yang dilakukan oleh Jabatan Pelajaran Sarawak terhadap sekolah vernakular Cina juga disebabkan isu lambakan murid di sekolah rendah vernakular Cina sehingga proses pembelajaran berlangsung dengan tidak kondusif. Ekoran daripada permasalahan ini, Jabatan Pelajaran Sarawak telah mengeluarkan pekeliling baharu iaitu semua sekolah vernakular Cina sama ada peringkat sekolah rendah mahupun sekolah menengah perlu didaftarkan di bawah Jabatan Pelajaran Sarawak. Tindakan ini mampu mengawal pengurusan sekolah ke arah yang lebih bersistematis serta mengatasi isu lambakan murid. Sebelum ini, di bawah peraturan Registration of Schools 1924 sebilangan kecil sahaja sekolah vernakular Cina yang didaftarkan. Keadaan ini menyukarkan kerajaan melakukan penyeliaan terhadap sekolah vernakular Cina kerana angka sekolah enggan mendaftar masih terlalu tinggi. Bagi meningkatkan angka sekolah vernakular Cina yang mendaftar, Jabatan Pelajaran Sarawak telah mengeluarkan inisiatif bersyarat bahawa sekiranya sekolah vernakular Cina ingin mendapat dana kewangan kerajaan maka sekolah-sekolah ini hendaklah mendaftar di bawah Jabatan

---

<sup>1</sup> Sekiranya dinilaikan dasar yang diperkenalkan oleh Charles Brooke iaitu pengekalan penggunaan dialek masing-masing sebagai bahasa pengantar di sekolah vernakular Cina, adalah bertujuan untuk segregasi orang Cina mengikut pecahan dialek masing-masing. Kerajaan Brooke cuba untuk mengelakkan orang Cina bersatu daripada menjadi satu kelompok yang dominan di Sarawak.

Pelajaran Sarawak serta mengajar mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah. Walau bagaimanapun, seruan Jabatan Pelajaran Sarawak ini tidak mendapat sambutan.

Bermula tahun 1930an, krisis ekonomi yang dihadapi oleh kerajaan telah menyebabkan Jabatan Pelajaran Sarawak tidak lagi bertanggungjawab terhadap penyeliaan dan pengawasan sekolah vernakular Cina. Tugas ini telah diambil alih oleh Badan Setiausaha Hal-Ehwal Orang-orang Cina (Government Secretary for Chinese Affairs) (Sarawak Administration Report For 1929; 55).<sup>2</sup> Badan ini bertanggungjawab melakukan penyeliaan terhadap semua sekolah vernakular Cina. Beberapa peraturan larangan telah dilaksanakan oleh badan tersebut dan bertindak menyenarai-hitamkan buku-buku yang diharamkan sebagai buku teks sekolah. Sekiranya terdapat sekolah yang gagal mematuhi peraturan ini, maka akan dikenakan tindakan tegas atau diarahkan tutup beroperasi (The Sarawak Gazette, 1930; 229). Badan Setiausaha Hal-Ehwal Orang-orang Cina dilihat telah melaksanakan beberapa langkah proaktif terhadap sistem pendidikan vernakular Cina supaya intipati pendidikan Cina lebih berpaksikan konteks Sarawak. Contohnya pada tahun 1931, badan ini telah menerbitkan sebuah buku teks sejarah Sarawak dalam bahasa Mandarin untuk kegunaan sekolah vernakular Cina. Pada tahun 1938 pula, syarat kemasukan profesi perguruan telah dilonggarkan kepada orang Cina kelahiran Sarawak. Usaha-usaha ini adalah untuk mengurangkan kebergantungan penggunaan buku teks dan khidmat guru-guru dari negara China.

### **Perkembangan Undang-Undang Registration of Schools 1924**

Pada tahun 1930, undang-undang Registration of Schools 1924 telah disemak semula oleh kerajaan dan melakukan beberapa pindaan baharu. Peraturan-peraturan baharu banyak menyentuh mengenai isu pengurusan bangunan, kemudahan dan keselamatan sekolah serta taraf kebersihan sekolah. Melalui pindaan ini, kerajaan telah menggesa sekolah vernakular Cina mematuhi segala peraturan baharu ini dengan meningkatkan kemudahan dan tahap keselamatan sekolah supaya keselamatan dan keselesaan warga sekolah terjamin. Walau bagaimanapun, pindaan baharu ini tidak mendapat sambutan. Hal ini demikian kerana sebahagian besar peruntukan yang diperlukan adalah menggunakan dana daripada tabung dana Lembaga Pengurusan Sekolah bukannya peruntukan kerajaan. Kebanyakan Lembaga Pengurusan Sekolah menghadapi tekanan kewangan kerana terpaksa mengeluarkan sejumlah dana untuk membaik pulih bangunan sekolah. Dalam pindaan peraturan baharu undang-undang Registration of Schools 1924, kerajaan juga bertindak memantau pengurusan sekolah dari segi pengambilan guru, buku teks dan pelaksanaan cuti persekolahan. Segala urusan mengenai cuti tahunan dan pembinaan sekolah baharu perlulah mendapatkan kelulusan daripada pengarah Jabatan Pelajaran Sarawak terlebih dahulu (Order No. LX 1924 Registration of Schools, No.

---

<sup>2</sup> Krisis kemelesetan ekonomi dunia berlaku pada tahun 1929 hingga tahun 1933 memberikan kesan kepada ekonomi Sarawak. Jawatan pengarah pendidikan terpaksa dimansuhkan. Pemansuhan jawatan ini secara tidak langsung telah mengubah pengurusan sekolah-sekolah di Sarawak. Sebelum ini, semua sekolah diselia oleh Jabatan Pelajaran Sarawak namun selepas krisis ekonomi, kerajaan terpaksa menyerahkan soal pengurusan sekolah kepada badan-badan yang telah dilantik khas. Misalnya, sekolah *Mission* diuruskan oleh residen-residen bahagian. Sekolah vernakular Cina diambil alih oleh bahagian Urusetia Hal-Ehwal Orang-orang Cina manakala sekolah vernakular Melayu dan Dayak dikendalikan oleh Setiausaha Hal Ehwal Anak Negeri.

264). Pemantauan yang ketat ini hanyalah tertakluk kepada sekolah vernakular Cina sahaja. Melalui usaha ini, kerajaan mampu mengawal isu penyalahgunaan kuasa dalam pengurusan Lembaga Pengurusan Sekolah. Berdasarkan pindaan baharu undang-undang Registration of Schools 1924, kerajaan telah melampirkan panduan pelaksanaan kurikulum di sekolah vernakular Cina. Kerajaan menyarankan pihak sekolah memasukan mata pelajaran sampingan selain daripada bahasa Mandarin. Contohnya mata pelajaran bahasa Inggeris, pengetahuan mengenai Sarawak, Asia, Eropah dan Geografi perlu diajar. Usaha ini juga antara inisiatif kerajaan mengurangkan nilai sentimental dan kebergantungan terhadap negara asal (China) dalam kalangan generasi muda.

### **The Blue Report 1935**

Semasa pemerintahan Charles Vyner Brooke, terdapat dua laporan pendidikan yang signifikan kepada perkembangan pendidikan di Sarawak iaitu The Blue Report 1935 dan Laporan Hammond 1936. Pada tahun 1934, Kapten Le Gros Clark telah dilantik oleh kerajaan untuk melakukan penyemakan mengenai sistem pendidikan Sarawak. Ini merupakan penyemakan rasmi yang pertama dilaksanakan oleh kerajaan terhadap sistem pendidikan Sarawak (Blue Report, 1935). Berdasarkan The Blue Report 1935, diperakui bahawa masalah-masalah pendidikan yang berlaku adalah berpunca daripada ketiadaan satu dasar pendidikan yang bersifat menyeluruh. Tindakan kerajaan sebelum ini menutup Jabatan Pelajaran Sarawak dan pengasingan sistem pengurusan sekolah-sekolah kepada perbadanan yang berasingan. Melihat kepada sistem pengurusan berasingan ini, The Blue Report telah mencerakinkan penyemakan pendidikan di Sarawak kepada tiga aspek utama iaitu pendidikan Mission, pendidikan Melayu, pendidikan Cina. Secara keseluruhannya, The Blue Report 1935 tidak menyentuh banyak mengenai pendidikan orang Cina. Sebaliknya hanya mencadangkan agar tanggungjawab penyeliaan dan pengurusan sekolah vernakular Cina dikekalkan di bawah Setiausaha Hal-Ehwal Orang-orang Cina memandangkan pembangunan sekolah vernakular Cina berkembang dengan baik. Dari segi kurikulum sekolah, ia juga menepati keperluan orang Cina dan tidak menimbulkan masalah besar. Cumanya mencadangkan agar kawalan yang lebih ketat mengenai proses penapisan buku-buku teks dan menggalakkan pengambilan guru-guru dari kalangan masyarakat Cina tempatan. Inisiatif ini mampu mengurangkan bilangan kemasukan guru-guru dari negara China.

### **Laporan Hammond 1936**

Selepas The Blue Report 1935, seterusnya kerajaan melantik R.W. Hammond untuk mengkaji sistem pendidikan di Sarawak (The Sarawak Gazette, 1971; 74). Penilaian dan penyemakan daripada R.W. Hammond lebih terperinci berbanding The Blue Report 1935. Berdasarkan laporan Hammond, penekanan diberikan terhadap peranan kerajaan dalam bidang pendidikan dan mencadangkan Jabatan Pelajaran Sarawak ditubuhkan semula. Dalam pada itu, turut dikenalpasti masalah utama yang berlaku di sekolah vernakular Cina ialah isu pertukaran guru yang terlalu kerap sehingga menjaskan proses pengajaran. Masalah ini berpunca daripada rombakan tahunan Lembaga Pengurusan Sekolah. Oleh kerana Lembaga Pengurusan Sekolah mempunyai autonomi terhadap pelantikan guru-guru maka tidak hairanlah masalah pertukaran

guru di sekolah adalah menjadi satu kebiasaan selepas rombakan jawatankuasa Lembaga Pengurusan Sekolah dilakukan.

Dari segi sistem kurikulum, laporan ini mencadangkan perlu perubahan dalam sistem kurikulum yang sedia ada. Pertama adalah menyentuh isu penggunaan bahasa pengantar di semua sekolah. Mekanisme cadangan ialah empat tahun pertama pendidikan rendah kanak-kanak perlu menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar (Hammond, 1937). Kanak-kanak hendaklah diajar dalam bahasa ibunda masing-masing iaitu bahasa Melayu, dialek untuk kanak-kanak Cina, Dayak Laut, Dayak Darat dan bahasa-bahasa lain seperti Kayan dan Kenyah (sekiranya sekolah tersebut mampu mengajar bahasa ini). Selepas daripada empat tahun pertama pendidikan, peringkat seterusnya bahasa pengantar perlu diubah kepada bahasa Melayu bagi sekolah-sekolah vernakular Melayu dan Dayak; Sekolah Mission diberi pilihan sama ada penggunaan bahasa iaitu bahasa Inggeris, bahasa Melayu ataupun bahasa Mandarin. Bahasa pengantar bagi sekolah vernakular Cina pula sama ada bahasa Mandarin ataupun bahasa Inggeris. Berkennaan dengan pengajaran mata pelajaran bahasa Inggeris pula, dicadangkan untuk mengurangkan tahap kesukaran silibus dan dipermudahkan intipati pengajaran agar memudahkan pemahamannya.

Cadangan yang kedua adalah mengenai mata pelajaran yang akan diajar semasa empat tahun pertama sekolah rendah. Pada peringkat ini sukanan pelajaran perlu merangkumi kemahiran asas 3M (membaca, mengira dan menulis), mata pelajaran Pengajian Alam Pengkebunan, Pertukangan kayu dan Pertukangan Tangan, Latihan Jasmani, Lukisan dan Nyanyian (Hammond, 1937). Dalam Laporan Hammond, mata pelajaran bahasa Melayu diwajibkan di semua jenis aliran sekolah. Mata pelajaran lain seperti bahasa Inggeris, Sains Am Rendah, Sejarah dan Geografi juga dicadangkan untuk mula diajar di peringkat sekolah rendah lagi. Aspek penggunaan buku teks juga ditekankan dalam Laporan Hammond 1936. Kerajaan diseru untuk berusaha menulis dan menerbitkan buku teks sejarah dan geografi khas untuk Sarawak bagi kegunaan semua sekolah. Langkah ini penting untuk memupuk semangat taat setia terhadap Sarawak. Sebagai langkah sementara, buku-buku teks dari Hindia Timur Belanda akan diubah suai untuk keperluan Sarawak. (Hammond, 1937)

## **Dasar Pendidikan Koloni British**

Setelah tamatnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1945, pemerintahan Sarawak telah diambil alih oleh kerajaan British dan menjadi koloni British di bawah pemerintahan British Crown. Bidang pendidikan merupakan fokus utama proses pemulihan selepas perang. Ini kerana kebanyakan sekolah-sekolah telah dimusnahkan ketika tempoh perang. Keadaan sekolah yang musnah teruk menyebabkan kerajaan British mengambil langkah segera untuk memulihkan bidang pendidikan. Ekoran permintaan pendidikan semakin mendesak selepas perang, kerajaan British terpaksa merangka beberapa inisiatif baharu bagi memenuhi keperluan penduduk Sarawak. Majlis Tempatan telah ditubuhkan pada tahun 1948 (Syed & Santhiram, 1990; 123). Matlamatnya adalah menguruskan sistem pendidikan di samping mendidik masyarakat ke arah lebih berdikari dalam bidang pendidikan. Bagi kerajaan British, penubuhan Majlis Tempatan

merupakan langkah pertama mendidik anggota masyarakat menuju ke arah berkerajaan sendiri. Melalui penubuhan Majlis Tempatan, anggota masyarakat mampu bergiat aktif dalam bidang pendidikan.

Lembaga Tempatan diwujudkan di bawah Majlis Tempatan bagi mengambil alih tanggungjawab terhadap pendidikan rendah di daerah masing-masing. Pengurusan kewangan sekolah juga diletakkan di bawah pengurusan Lembaga Tempatan. Menerusi lembaga ini, anggota masyarakat diberi peluang untuk menyertai bersama untuk mencari penyelesaian terhadap masalah yang timbul di sekolah masing-masing. Tindakan ini membolehkan anggota masyarakat menentukan rentak kemajuan pendidikan anak-anak. Salah satu inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan British melalui Lembaga Tempatan adalah pengurusan perbelanjaan sekolah. Jabatan Pelajaran Sarawak ditubuhkan semula akan melakukan pembiayaan peruntukan melalui bantuan geran (Grants-in-aid) kepada sekolah-sekolah di bawah Lembaga Tempatan. Peruntukan dana tersebut akan diagihkan kepada badan-badan terlibat seperti Lembaga Pengurusan Sekolah (sekolah vernakular Cina) dan agen Mission (sekolah Inggeris). Namun begitu, kerajaan British tetap menggalakkan bantuan kewangan tambahan disokong melalui kutipan derma dan bantuan dana masyarakat setempat melalui kaedah self-help iaitu “tolong diri”.

Pelaksanaan dasar self-help adalah untuk mengatasi krisis kewangan pasca perang. Kerajaan British sendiri menghadapi masalah kewangan selepas Perang Dunia Kedua dan berada dalam fasa pemulihan ekonomi maka difikirkan bahawa rakyat juga seharusnya bekerjasama dalam memajukan bidang pendidikan. Kerajaan British menggalakkan anggota masyarakat menjana sumber kewangan sendiri untuk pengurusan sekolah agar mengurangkan sifat kebergantungan terhadap kerajaan. Kejayaan dasar self-help ini dibuktikan apabila bilangan sekolah yang ditubuhkan semakin meningkat menjelang tahun 1950an malahan sekolah-sekolah yang ditubuhkan lengkap dengan prasarana dan semuanya adalah hasil daripada sumbangan dana penduduk setempat di daerah masing-masing. Walaupun sekolah vernakular Cina tidak dikelola secara langsung oleh Lembaga Tempatan namun sekolah-sekolah vernakular Cina ini turut mengaplikasikan dasar self-help untuk mendapatkan dana bagi memajukan sekolah mereka. Salah satu perubahan yang kerajaan British lakukan dalam bidang pendidikan adalah memandang serius mengenai kepentingan pengajaran bahasa Inggeris di peringkat sekolah rendah. Bahasa Inggeris mula dimasukkan dalam sukatan kurikulum dan diajar di semua sekolah sebagai salah satu mata pelajaran (Ooi, 1990). Dari segi aspek bahasa pengantar pula, kerajaan British meneruskan dasar pemerintahan terdahulu iaitu membenarkan sekolah-sekolah menggunakan bahasa ibunda masing-masing sebagai bahasa pengantar termasuk sekolah vernakular Cina.

Selain daripada itu, kerajaan British menerusi Jabatan Pelajaran Sarawak telah mengemukakan cadangan mengenai peraturan had umur maksimum untuk kemasukan sekolah-sekolah rendah dan menengah. Peraturan had umur maksimum dicadangkan disebabkan oleh timbul masalah kenaikan darjah di sekolah rendah. Kes sedemikian kebanyakannya berlaku di sekolah vernakular Cina. Berdasarkan tinjauan tahunan Jabatan Pelajaran Sarawak (Sarawak Education Department Triennial Survey 1955-1957), kerajaan British mendapati murid-murid

sekolah rendah vernakular Cina terpaksa mengambil masa lapan hingga sembilan tahun untuk menghabiskan pendidikan di peringkat sekolah rendah sahaja. Situasi ini berlaku disebabkan sekolah vernakular Cina amat menekankan pencapaian cemerlang sebelum dibenarkan seseorang murid untuk naik darjah yang seterusnya. Oleh hal yang demikian, cadangan untuk melaksanakan sistem kenaikan darjah secara automatik setiap tahun telah dikemukakan dan berjaya diluluskan oleh kerajaan serta mula berkuatkuasa sepenuhnya pada tahun 1957. Peraturan ini akhirnya berjaya menyelesaikan isu kenaikan darjah murid di sekolah rendah vernakular Cina dan sekaligus dapat mengatasi isu lambakan murid.

### Laporan Woodhead 1955

Pendidikan di Sarawak mengalami perkembangan yang pesat selepas kerajaan memperkenalkan Lembaga Tempatan untuk memajukan pendidikan selepas perang. Walau bagaimanapun, kemajuan sekolah vernakular Cina jauh lebih ke hadapan berbanding sekolah-sekolah aliran yang lain. Melihat kepada perbezaan ini, kerajaan British telah menjemput E.W. Woodhead untuk mengkaji kelemahan sistem pendidikan di Sarawak. Laporan Woodhead 1955 banyak melaporkan isu-isu berkaitan peruntukan geran sekolah, struktur kurikulum sekolah rendah dan kaedah pengajaran dan pembelajaran yang tidak efisien. Antara ulasan yang dikemukakan dalam Laporan Woodhead 1955 ialah penekanan kepada penggunaan bahasa Inggeris.

Bahasa Inggeris dicadangkan sebagai lingua franca utama dalam sistem pendidikan Sarawak. Bagi memulakan langkah tersebut, bahasa Inggeris hendaklah dijadikan sebagai bahasa pengantar mulai tahun pertama (tingkatan satu) di semua sekolah menengah termasuklah sekolah vernakular Cina. Salah satu ulasan kontroversi Woodhead dalam laporan tersebut adalah menyatakan pendidikan orang Cina ketika itu tidak mempunyai masa depan yang cerah disebabkan mereka enggan menerima bahasa lain selain penggunaan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar. Sikap ini mengakibatkan mereka tidak mengikut rentak kemajuan dunia Barat sedangkan pada masa akan datang bahasa Inggeris akan lebih berguna berbanding bahasa Mandarin kerana ia digunakan sebagai bahasa untuk kemajuan dan mendapatkan pekerjaan (*Report upon Financing of Education and Condition of Service in the Teaching Profession in Sarawak, 1955*). Bagi Woodhead, sekolah vernakular Cina hanya sekadar berfungsi sebagai platform meneruskan legasi kebudayaan orang Cina sahaja. Berdasarkan kritikan ini, orang Cina menentang hebat dan menolak Laporan Woodhead 1955. Meskipun terdapat kritikan hebat berkaitan dengan penggunaan bahasa Mandarin dalam Laporan Woodhead 1955, namun kerajaan tetap membenarkan sekolah vernakular Cina meneruskan penggunaan bahasa Mandarin sebagai bahasa pengantar (*Report upon Financing of Education and Condition of Service in the Teaching Profession in Sarawak, 1955*). Dalam perkara ini Woodhead masih lagi memelihara hubungan baik kerajaan British dengan orang Cina kerana faktor kebergantungan dan kepentingan mereka dalam sektor ekonomi.

Dalam Laporan Woodhead 1955 turut menyentuh peranan Lembaga Pengurusan Sekolah di sekolah vernakular Cina. Masalah utama yang dikesan oleh Woodhead mengenai

organisasi ini ialah mereka memiliki hak autonomi dalam pengurusan sekolah. Laporan Hammond 1936 terdahulu juga telah menegaskan permasalahan ini dan mengkritik kekuasaan Lembaga Pengurusan Sekolah yang melampau. Isu yang dikesan oleh Woodhead ialah organisasi ini mempunyai masalah ketelusan dari segi pengurusan iaitu ketirisan dan pelantikan guru-guru serta guru besar sesbuah sekolah. Pelantikan guru-guru kebiasaannya daripada kalangan keluarga anggota organisasi Lembaga Pengurusan Sekolah bahkan lembaga ini mempunyai kuasa untuk memecat guru-guru bila-bila masa sekiranya tidak mencapai kualiti yang dikehendaki. Lembaga Pengurusan Sekolah memiliki autonomi yang terlalu besar sehingga melebihi batas dan mempengaruhi skop tugas guru-guru. Oleh itu, dalam Laporan Woodhead 1955 menggesa permasalahan ini perlu diselesaikan segera oleh kerajaan British agar mengurangkan isu ketirisan di sekolah vernakular Cina.

Masalah agihan geran yang tidak seimbang juga antara isu berbangkit dalam Laporan Woodhead 1955. Sebagai contoh, sekolah-sekolah Mission dan sekolah vernakular Cina mendapat peruntukan geran lebih banyak berbanding sekolah aliran bumiputera. Pada tahun 1953, peruntukan keseluruhan geran kerajaan dalam bidang pendidikan berjumlah \$2 047 529. Sekolah-sekolah Mission telah membelanjakan sebanyak \$1 000 000 manakala sekolah vernakular Cina pula membelanjakan sebanyak \$2 280 000. Kedua-duanya telah menggunakan dana melebihi daripada jumlah peruntukan sebenar. Woodhead menyeru kerajaan mewujudkan satu sistem pembiayaan yang lebih teratur dan telus. Cadangan penyelesaian adalah dengan pemberian geran modal yang lebih diperketatkan. Nilai geran modal untuk kos pembangunan dan pembentukan sekolah serta pembelian alat-alat pembentukan adalah bergantung kepada kemampuan semasa kerajaan. Selain itu, Jabatan Pelajaran Sarawak juga memainkan peranan penting dengan hanya boleh meluluskan geran tidak melebihi 50% daripada jumlah kos pembangunan atau penyelenggaraan sekolah. Cadangan penyelesaian ini mampu mengawal perbelanjaan sekolah Mission dan sekolah vernakular Cina.

Oleh hal yang demikian, kerajaan mengambil inisiatif mewujudkan satu geran khas iaitu The Grand Code 1956 dan telah diluluskan oleh Gabenor Sarawak pada bulan Oktober 1955. The Grand Code 1956 adalah untuk mengagihkan peruntukan geran yang lebih efisen dan memperlawa semua sekolah membuat permohonan bagi mendapatkan geran-geran di bawah The Grand Code 1956 ini (The Sarawak Gazette, 1955; 186). Terdapat dua bentuk geran yang ditawarkan oleh kerajaan iaitu peruntukan untuk perbelanjaan pengurusan sekolah dan peruntukan perbelanjaan pembinaan dan penyelenggaraan bangunan sekolah (The Sarawak Gazette Part II, 1955). Hanya sekolah yang memenuhi syarat permohonan yang ditetapkan akan diluluskan. Pada akhir tahun 1955, hampir semua sekolah di Sarawak telah membuat permohonan geran tersebut. Kerajaan telah menetapkan syarat bahawa mana-mana sekolah yang menerima peruntukan geran ini hendaklah melaksanakan kutipan yuran di sekolah berkenaan berdasarkan kadar yang ditetapkan oleh kerajaan. Sebelum ini, agensi Mission, Lembaga Tempatan dan Lembaga Pengurusan Sekolah bebas menetapkan kadar yuran di sekolah masing-masing. Setelah pelaksanaan The Grand Code 1956, Jabatan Pelajaran Sarawak telah membuat penetapan dan menyelaraskan yuran persekolahan mengikut kadar-kadar tertentu (The Sarawak Gazette, 1955; 186). Usaha sedemikian berjaya mengurangkan kadar yuran yang tinggi (berbeza mengikut sekolah) dan meningkatkan bilangan murid yang

mendaftar. Pelaksanaan The Grand Code 1956 bukan sahaja memberi kesan baik secara keseluruhan kepada sistem pendidikan malahan kebajikan tenaga pengajar. Warga pendidik kini mula menerima gaji yang lebih baik dan perkhidmatan mereka lebih terjamin.

Impak pelaksanaan The Grand Code 1956 menyebabkan peratusan kemasukan murid-murid ke sekolah rendah semakin meningkat. Apabila jumlah kemasukan ini semakin meningkat, kerajaan mula berhadapan dengan masalah baharu iaitu tanggungan yang bakal dihadapi oleh sekolah menengah dalam tempoh beberapa tahun yang akan datang. Kerisauan ini telah mengundang kerajaan untuk melakukan semakan mengenai sistem kenaikan darjah di peringkat sekolah rendah dan sistem kemasukan sekolah menengah. Sistem kenaikan darjah yang sedia ada masih mempunyai beberapa kelompongan menyebabkan murid-murid lepasan sekolah rendah terpaksa berebut mendapatkan tempat di sekolah menengah kelak. Kelayakan untuk memasuki sekolah menengah adalah berdasarkan peperiksaan semasa di peringkat sekolah rendah. Hanya murid-murid yang lulus peperiksaan sahaja yang dibenarkan untuk memasuki sekolah menengah manakala bagi yang gagal pula terpaksa mengulang darjah dan menduduki semula peperiksaan. Peraturan ini mendatangkan kesan kepada prestasi murid dan sekolah malahan kerajaan terpaksa menanggung kos perbelanjaan lebih bagi melaksanakan peperiksaan semula.

### **Laporan Mc Lellen 1960**

Rentetan daripada isu yang berlaku terhadap sistem kenaikan darjah ke sekolah menengah, David Mc Lellan telah dijemput oleh kerajaan British pada tahun 1960 bagi mengkaji semula sistem pendidikan. David Mc Lellan merupakan penasihat pendidikan Pesuruanjaya Tinggi United Kingdom di Asia Tenggara (Singapura). Secara amnya laporan Mc Lellen banyak menfokuskan permasalahan yang berlaku di peringkat sekolah menengah berbanding sekolah rendah. Tidak banyak cadangan penambahbaikan untuk sistem pendidikan sekolah rendah. Berdasarkan laporan Mc Lellen, wujud cadangan untuk mengehadkan umur kemasukan ke sekolah rendah iaitu 6-12 tahun (D. Mc Lellen, 1959; 50). Mc Lellen turut bersetuju dengan dasar kerajaan yang menetapkan syarat kenaikan darjah secara automatik seperti yang dicadangkan oleh Jabatan Pelajaran pada tahun 1958.

Walaupun Mc Lellen lebih banyak menganalisis sistem pendidikan sekolah menengah, laporan beliau juga menyentuh berkaitan dengan pendidikan masyarakat Cina secara keseluruhannya. Empat kelemahan major yang dihadapi oleh sekolah vernakular Cina berjaya dikesan. Pertama, sekolah vernakular Cina bersifat terasing iaitu Purely Communal School. Situasi ini seolah-olah orang Cina mengasingkan anak-anak mereka bergaul dengan kaum lain dan hanya membesar dalam suasana sesama orang Cina sendiri. Tidak ada elemen pergaulan bersama kaum lain dalam corak hidup bermasyarakat. Kedua pula adalah masalah sukatan pelajaran yang terlampau berpaksikan negara China. Perkara ini merangkumi soal penggunaan buku teks dan mata pelajaran seperti Sejarah dan Geografi yang menekankan konteks negara China berbanding Sarawak. Permasalahan ini cenderung meningkatkan semangat nasionalisme Cina dan kesetiaan kepada negara China. Walaupun isu sukatan pelajaran dan penggunaan buku

teks Cina di sekolah vernakular Cina telah dibangkitkan dalam laporan-laporan pendidikan sebelum ini namun tetap tidak ada tindakan daripada pihak kerajaan. Sebahagian besar sekolah vernakular Cina masih lagi mengunakan buku teks China di sekolah.

Kelemahan seterusnya ialah kurikulum sekolah vernakular Cina disifatkan tidak ke hadapan. Persoalan yang ingin diketengahkan dalam Laporan Mc Lellen 1960 ialah sekolah vernakular Cina masih mempunyai kesedaran rendah mengenai kepentingan bahasa Inggeris. Beliau melihat bahawa murid-murid lepasan sekolah vernakular Cina mempunyai peluang yang tipis untuk terus berkembang dalam bidang pekerjaan di Sarawak (D. Mc Lellen, 1959; 50). Perkara ini tentunya berhubung kait dengan seruan kerajaan British mempromosikan pengajaran bahasa Inggeris secara meluas di Sarawak termasuklah di sekolah vernakular Cina. Kelemahan terakhir yang dihadapi oleh sekolah vernakular Cina adalah kelemahan dari segi kualiti tenaga pengajar. Sekolah vernakular Cina berhadapan dengan masalah kualiti guru berbanding sekolah-sekolah yang lain. Guru-guru yang ditawarkan untuk mengajar di sekolah kebanyakannya tidak mempunyai latihan perguruan dan ini akan mengakibatkan sistem pendidikan Cina kurang berkualiti dan lemah (D. Mc Lellen, 1959; 50). Terdapat satu cadangan Mc Lellen yang sangat signifikan terhadap sekolah vernakular Cina iaitu beliau bersetuju sekiranya kerajaan memberikan peruntukan geran kepada sekolah vernakular Cina tetapi kerajaan hendaklah meletakkan syarat kepada sekolah tersebut untuk menukar bahasa pengantar kepada bahasa Inggeris secara berperingkat. Bahasa Mandarin hanya sekadar diajar sebagai bahasa kedua di sekolah. Sekolah vernakular Cina yang telah bersetuju terhadap pengaturan ini perlu mengubah status sekolah daripada sekolah persendirian (Private School) kepada status sekolah bantuan. Sebaliknya, bagi sekolah yang tidak layak menerima peruntukan geran kerajaan dan menolak syarat penukaran bahasa pengantar akan kekal dengan status sekolah sebagai sekolah persendirian (Syed & Santhiram, 1990; 158).

Dikatakan sekolah-sekolah vernakular Cina yang terdesak memerlukan dana geran untuk kelangsungan sekolah pastinya akan menerima peruntukan geran kerajaan dan terpaksa terima syarat penukaran bahasa pengantar. Langkah ini bertujuan untuk kerajaan mengawal perkembangan semangat nasionalisme orang Cina terhadap negara China. Apabila semakin banyak sekolah vernakular Cina menjadi penerima peruntukan geran kerajaan maka secara tidak langsung kerajaan British berupaya mengawal hala tuju sekolah ini kerana ia tidak lagi berstatus sekolah persendirian sebaliknya menjadi sekolah bantuan kerajaan. Secara keseluruhannya, Laporan Mc Lellen 1960 sedikit banyak telah digunakan sebagai panduan untuk pengubalan Akta Pendidikan Sarawak pada tahun 1961.<sup>3</sup>

Sepanjang pentadbiran kerajaan British, Jabatan Pelajaran Sarawak terus komited melakukan penilaian berterusan terhadap mata pelajaran bahasa Mandarin, Sejarah dan Geografi. Satu jawatankuasa khas turut ditubuhkan pada tahun 1951 untuk menyemak

<sup>3</sup> Pada tahun 1961, Sarawak dan Tanah Melayu telah memperkenalkan Akta Pendidikan masing-masing. Terdapat banyak persamaan yang terkandung dalam kedua-dua akta tersebut. Ini tidak menghairankan kenapa kedua-dua akta ini mempunyai persamaan kerana Mc Lellen sentiasa melawat Tanah Melayu, Singapura dan Sarawak untuk menilai dasar pendidikan ketiga-tiga wilayah tersebut. Sudah tentu pengamatan dan penilaianya terhadap dasar-dasar pendidikan di ketiga-tiga wilayah ini akan saling mempengaruhi keputusan beliau membuat dasar pendidikan di Sarawak khususnya Akta Pendidikan Sarawak.

kandungan buku teks bahasa Mandarin. Jawatankuasa khas ini mencadangkan sekolah vernakular Cina menggunakan bahan pengajaran bahasa Mandarin sama seperti di Persekutuan Tanah Melayu agar pendidikan sekolah vernakular Cina lebih seragam. Hal ini kerana kandungan buku teks yang digunakan di Persekutuan Tanah Melayu lebih memfokuskan pengajaran di Nanyang bukan lagi fokus kepada negara China (ED 379A; 70). Sejak tahun 1957, kerajaan British mula mengambil tindakan untuk menyelaraskan penggunaan buku teks yang baharu di seluruh Sarawak dan berharap guru-guru dan murid sekolah vernakular Cina dapat menyesuaikan diri dengan buku teks baharu ini. Ketika pembentukan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, pengajaran mata pelajaran bahasa Mandarin di Sarawak dan Persekutuan Tanah Melayu telah mencapai satu standard yang sama dan proses mengintegrasikan pendidikan vernakular Cina antara wilayah semasa pembentukan Persekutuan Malaysia tidak banyak perlu dilakukan. Sarawak telah menggunakan buku teks yang sama seperti di Tanah Melayu maka sekolah-sekolah vernakular Cina tidak perlu mengubah corak pengajaran bahasa Mandarin di sekolah kerana telah beradaptasi menggunakan buku teks yang sama.

### **Dasar Pendidikan Kebangsaan**

Menjelang era tahun 1963, Sarawak mula mengorak langkah menuju ke arah pembentukan Malaysia dengan penyatuan Persekutuan Tanah Melayu, Borneo Utara dan Singapura pada 16 September 1963 di bawah Perjanjian Malaysia 1963. Pembentukan Malaysia ini juga menandakan pentadbiran kerajaan British di Sarawak telah berakhir dan menyaksikan kejayaan pemimpin tempatan Sarawak ke arah berkerajaan sendiri dan mampu mengurus pentadbiran secara kendiri. Penyatuan wilayah melalui pembentukan Malaysia ini telah memberikan satu perspektif baharu kepada bidang pendidikan di Sarawak. Bidang pendidikan Sarawak mula memasuki era pembaharuan dengan mendapat faedah-faedah daripada hasil kerjasama ketiga-tiga wilayah atas satu entiti yang bergelar Malaysia.

Sebelum terbentuknya Malaysia pada tahun 1963, satu jawatankuasa khas iaitu Inter-Government Committee telah ditubuhkan pada tahun 1962. Tujuan utama jawatankuasa ini adalah untuk menyusun fasal-fasal Perlembagaan Malaysia dan menentukan bentuk-bentuk perlindungan khas untuk wilayah Borneo (Sabah dan Sarawak). Dalam laporan Inter-Government Committee bahagian ke 17 telah menyentuh mengenai aspek pendidikan yang bakal dilaksanakan setelah pembentukan Malaysia. Salah satu syarat bagi penyertaan wilayah Borneo dalam pembentukan Malaysia adalah berdasarkan beberapa pengecualian yang telah dipersetujui bersama dalam mesyuarat jawatankuasa (Bahagian Peranchang dan Penyelidekan Kementerian Pelajaran Malaysia, 1968; 105). Hasil perbincangan mesyuarat telah memutuskan bahawa walaupun bidang pendidikan akan diletakkan di bawah senarai Persekutuan namun dasar dan sistem pendidikan yang sedia ada di wilayah Borneo haruslah dikenalkan di bawah bidang kuasa kerajaan negeri sehinggalah kerajaan negeri bersetuju untuk menyerahkannya kepada kerajaan Persekutuan khususnya berkaitan perkara berikut (Report of the Inter-Governmental Committee, 1962; 431).

- (1) Negeri-negeri Borneo akan meneruskan dasar penggunaan bahasa Inggeris sebagai bahasa pengantar.
- (2) Pengetahuan mengenai bahasa Melayu tidak perlu dijadikan sebagai syarat kelayakan untuk mendapatkan peluang pendidikan sehingga kerajaan negeri mempertimbangkan perkara ini dan mempunyai peruntukan yang secukupnya untuk mengajar bahasa Melayu di semua sekolah.
- (3) Tiada pengaplikasian pendidikan keagamaan ke atas negeri-negeri Borneo.
- (4) Peruntukan kepada negeri-negeri Borneo bagi kedudukan istimewa kaum bumiputera harus diteruskan.
- (5) Pengarah pendidikan negeri-negeri Borneo yang akan berkhidmat di bawah Jabatan Pendidikan Persekutuan haruslah menjalankan tanggungjawab yang sama seperti mereka yang sedang berkhidmat untuk negeri masing-masing.
- (6) Bagi memenuhi keperluan dan keinginan penduduk Borneo, pengarah pendidikan yang bakal dilantik hendaklah memainkan peranan penting agar permintaan penduduk Borneo akan dipertimbangkan dan dipenuhi sebaik mungkin.
- (7) Untuk negeri Sarawak, Majlis Tempatan akan mengekalkan tanggungjawab terhadap pendidikan sekolah rendah.

Maka dalam tempoh selepas pembentukan Malaysia, kerajaan Persekutuan mula mengintegrasikan dasar-dasar pendidikan di Sarawak secara berperingkat. Bagi memupuk semangat nasionalisme Malaysia, kerajaan Sarawak perlu mengubah suai sistem pendidikannya dan menerima segala dasar dan amalan baharu dalam konteks negara kerana negeri Sarawak bukan lagi sebagai entiti sendiri sebaliknya sebagai entiti bersama dalam sebuah negara yang bergelar Malaysia. Walau bagaimanapun, kelonggaran mengenai beberapa perkara diberikan kepada negeri Sarawak bertujuan untuk memberikan tempoh masa secukupnya untuk membuat perancangan dan peralihan tanpa menjaskan amalan-amalan pendidikan yang sedia ada.

Bermula tahun 1977, barulah menyaksikan pengintegrasian pendidikan sepenuhnya antara kerajaan Sarawak dan kerajaan Persekutuan (Rancangan Malaysia Ketiga 1976-1980; 40).<sup>4</sup> Ketika itu sistem pendidikan Sarawak telah bersama-sama menuju ke arah Dasar Pendidikan Kebangsaan (Akta Pendidikan 1996; 14) dan menyeragamkan sistem kurikulum kebangsaan melalui penguatkuasaan pemanjangan Akta Pelajaran 1961 di Sarawak. Selepas tahun 1977, segala dasar pendidikan yang dilaksanakan oleh kementerian telah diikuti sepenuhnya. Misalnya, pelaksanaan penggantian sistem Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) kepada Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) pada tahun 1983 serta pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris di semua Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK) pada tahun 1990 dibawah rancangan KBSR (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 15/1989, 1989).

<sup>4</sup> Proses mengintegrasikan sepenuhnya sistem pendidikan Sarawak terjadi apabila negeri Sarawak telah bersetuju untuk menukar bahasa pengantar kepada bahasa Malaysia di sekolah menengah pada tahun 1977. Ketika itulah proses mengintegrasikan sistem pendidikan Malaysia ke arah Dasar Pendidikan Kebangsaan telah berintegrasi sepenuhnya. Walaupun sebelum tahun 1977 beberapa dasar dan peraturan dari kementerian telah dilaksanakan dan diterima baik oleh negeri Sarawak namun ketika itu tidak boleh lagi dikatakan sebagai berintegrasi sepenuhnya kerana terdapat beberapa dasar pendidikan Sarawak yang masih lagi diperaktikkan.

Dalam pada itu, Kementerian Pelajaran Malaysia turut melaksanakan dasar pendidikan rendah secara percuma di seluruh negara dan menyelaraskan yuran pengajian bagi sekolah menengah dan sekolah menengah bantuan (Annual Report of Education Department Sarawak, Kuching, 1966; 2). Pelaksanaan dasar pendidikan percuma ini telah menyaksikan peningkatan bilangan murid yang mendaftar. Tetapi bagi sekolah vernakular Cina, dasar ini tidak memberikan impak yang besar. Angka kenaikan jumlah murid mendaftar sebahagian besarnya adalah dari kalangan kaum bumiputera. Hal ini kerana, sebelum ini punca isu keciciran murid mendapatkan pendidikan adalah faktor ketidakmampuan kaum bumiputera untuk membayai yuran persekolahan.

Angka kemasukan murid ke sekolah bukan vernakular Cina pada tahun 1965 sebanyak 60 723 orang dan telah meningkat sebanyak 32% pada tahun 1968. Manakala jumlah kemasukan murid ke sekolah vernakular Cina pada tahun 1965 adalah seramai 36 283 orang dan hanya meningkat 6.3% pada tahun 1968 (CO 1030/912, Public Record Educational Policy North Borneo 1960-1962; 54). Sejak pasca Perang Dunia Kedua, orang Cina memang sangat mementingkan pendidikan anak-anak mereka dan hampir 80% anak-anak masyarakat Cina di Sarawak mendapat pendidikan (The Sarawak Gazette, 1971; 74). Oleh itu apabila dasar pendidikan rendah secara percuma diperkenalkan, ia langsung tidak memberi kesan besar kepada peningkatan angka kemasukan anak-anak Cina ke sekolah rendah vernakular Cina.

Selain itu, satu jawatankuasa bersama telah ditubuhkan bagi membincangkan pemanjangan Akta Pelajaran 1961 ke Sarawak. Hasil dapatan jawatankuasa telah memutuskan peraturan penguatkuasaan Akta Pelajaran 1961 dengan beberapa pindaan di Sarawak mulai 1 Januari tahun 1975. Selepas tarikh tersebut, Sarawak tidak lagi menggunakan Akta Pendidikan Sarawak 1961. Dengan pelaksanaan Akta Pelajaran 1961 ini, bahasa Malaysia dijadikan sebagai mata pelajaran wajib di semua sekolah rendah kerajaan dan sekolah rendah bantuan kerajaan mulai tahun 1976. Kerajaan juga akan menukar bahasa pengantar daripada bahasa Inggeris ke bahasa Malaysia secara berperingkat bagi sekolah rendah kerajaan dan sekolah bantuan kerajaan (Report of the Inter-Governmental Committee, 1962; 431).

Selain daripada itu, antara pindaan fasal yang signifikan terhadap sekolah vernakular Cina adalah berkenaan dengan status sekolah yang menerima bantuan subsidi kerajaan. Mana-mana sekolah vernakular Cina yang menerima bantuan subsidi kerajaan di bawah The Grand Code 1956 akan terus mengekalkan statusnya sebagai sekolah bantuan kerajaan atau sekolah bersubsidi. Oleh kerana sekolah-sekolah ini tidak diklasifikasikan sebagai sekolah kerajaan. Dahulunya sekolah-sekolah vernakular Cina boleh memohon peruntukan di bawah The Grand Code 1956 tidak melebihi 50% namun selepas pindaan fasal dilakukan, mereka hanya dibenarkan memohon peruntukan sebanyak 20% hingga 30%. Berlaku pengurangan peruntukan yang diberikan oleh kerajaan kepada sekolah-sekolah ini (Sarawak Education Department Annual Summary, 1964). Tidak dinafikan bahawa penstrukturran semula agihan peruntukan daripada Kementerian Pelajaran menjelaskan perkembangan sekolah rendah vernakular Cina. Apabila sekolah rendah vernakular Cina berstatus sekolah bantuan kerajaan

maka pembangunan sekolah tidak lagi ditanggung oleh kerajaan sebaliknya hanya sedikit peruntukan diberikan kepada sekolah dan selebihnya akan ditanggung oleh sekolah itu sendiri. Ini kerana Kementerian Pelajaran lebih memfokuskan kemajuan sekolah yang berstatus kerajaan. Oleh itu, agihan peruntukan kerajaan juga lebih diutamakan kepada sekolah kerajaan.

Berkenaan dengan sistem kurikulum kebangsaan pula, pelaksanaan sistem Kurikulum Baru Sekolah Rendah (KBSR) merupakan satu langkah yang signifikan kepada sistem pendidikan Malaysia. Selepas pembentukan Malaysia, Malaysia masih tidak mempunyai satu sistem kurikulum yang bersifat menyeluruh. Walaupun sebelum pelaksanaan KBSR, Malaysia telah menggunakan sistem Kurikulum Lama Sekolah Rendah (KLSR) namun ia tidaklah menyeluruh dan teratur, tetapi sekadar prinsip pelajaran yang asas sahaja (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pelajaran Malaysia, 1968; 5). Selepas pelaksanaan KBSR barulah sistem pendidikan Malaysia lebih bersistematis dan menyeluruh. Beberapa sukanan mata pelajaran telah dikaji dan disusun semula bagi pemantapan bidang pendidikan.

Umpamanya pada tahun 1989, pelaksanaan sepenuhnya pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa Malaysia dan bahasa Inggeris di peringkat tahun satu di semua sekolah rendah seluruh Malaysia melalui sistem KBSR (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 15, 1989). Kemudiannya perkara ini diperkasakan lagi pada tahun 1994, Kementerian Pelajaran mengeluarkan satu surat pekeliling mengenai pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan dan bahasa Inggeris di Sekolah Kebangsaan (Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2,1994). Tujuan surat pekeliling mengenai pelaksanaan bahasa Malaysia di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Cina) dan Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) dikeluarkan adalah bagi mempertingkatkan lagi kemahiran berkomunikasi dan menganalisis serta daya cipta dalam penggunaan bahasa tersebut selari dengan hasrat Kementerian Pendidikan Malaysia dalam Rancangan Malaysia Ke-6 (Rancangan Malaysia Keenam, 1991-1995; 119). Selepas pembentukan Malaysia, boleh disaksikan bahawa sistem pendidikan di Sarawak mula mengikut rentak Dasar Pendidikan Kebangsaan sebagaimana yang dihasratkan oleh kerajaan Persekutuan untuk membentuk bidang pendidikan Malaysia yang lebih holistik.

## KESIMPULAN

Secara rangkumannya, perkembangan pendidikan di Sarawak cukup dinamik untuk dibincangkan kerana perubahan yang berlaku dalam bidang pendidikan mengikut tuntutan semasa serta keperluan masa depan dan yang pastinya diubahsuai dan distrukturkan semula mengikut kuasa pemerintahan semasa. Sejak zaman pemerintahan Brooke, dasar pendidikan berkaitan sekolah vernakular Cina tidak lari daripada persoalan penggunaan bahasa dialek dan Mandarin sebagai bahasa pengantar, penggunaan buku teks China serta isu-isu dalaman Lembaga Pengurusan Sekolah. Sekolah vernakular Cina tidak pernah lekang daripada berhadapan dengan isu-isu pendidikan. Isu paling kontroversi ialah penggunaan bahasa Mandarin di sekolah. Persoalan-persoalan ini sering kali timbul dalam mana-mana laporan pendidikan di Sarawak sehingga dilaksanakan undang-undang bagi mengawal perkembangan sekolah vernakular Cina yang semakin berpaksikan nasionalisme Cina. Selepas

pembentukan Malaysia, Akta Pendidikan 1962 dan Dasar Pendidikan Kebangsaan mula diintergrasikan dalam sistem pendidikan negeri Sarawak. Proses mengintegrasikan Dasar Pendidikan Kebangsaan selesai sepenuhnya apabila sekolah-sekolah di Sarawak mula mengaplikasikan penggunaan bahasa Malaysia dan menjadikan bahasa Inggeris sebagai bahasa kedua. Satu perkara yang jelas ialah peranan sekolah vernakular Cina sebagai penyambung budaya China. Falsafah di sebalik usaha tanpa henti untuk memajukan bidang pendidikan anak-anak ialah pegangan falsafah pendidikan sebagai nadi penting untuk keluar daripada lingkaran kemiskinan. Justeru itu, kepentingan pendidikan mereka boleh diperhatikan melalui tertubuhnya organisasi sukarela Lembaga Pengurusan Sekolah. Organisasi inilah yang menjadi tulang belakang kepada sesebuah sekolah sehingga ke masa kini.

## LIMITASI KAJIAN

Limitasi dalam penulisan ini adalah memfokuskan kepada pendidikan vernakular Cina khususnya di peringkat pendidikan rendah (sekolah rendah) di Sarawak. Fokus penulisan ini juga tertumpu kepada perkembangan pendidikan di Sarawak. Jika dibandingkan penulisan sedia ada, kebanyakan pengkaji lebih tertumpu kepada kupasan pendidikan di Tanah Melayu berbanding Sabah dan Sarawak. Begitu juga dalam skop penulisan pendidikan yang lebih banyak tertumpu kepada penulisan isu-isu sekolah vernakular kontemporari, sekolah vernakular Melayu dan sekolah Mission.

## RUJUKAN

- Atar, S. (2019). Perjanjian Malaysia 1963: Penelusuran Cabaran dan Kesan Terhadap Sistem Pendidikan di Sarawak (1963-1973). *Jurnal Borneo Arkhaialogia*, 4(1). <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/article/view/1832>
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan. (2012). Dasar Pendidikan Kebangsaan (Edisi Ketiga). Kementerian Pelajaran Malaysia <https://www.moe.gov.my/dasar/1196-buku-dasar-kpm/file>.
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Kementerian Pelajaran Malaysia. Pelajaran Di-Malaysia. (1968). Kuala Lumpur.
- Chia, Y. C. (2011). *The Influence of the Government Education Policy to the Development of Sarawak Chinese Education (1841-1989)*. Universiti Tunku Abdul Rahman.
- Clark, L. G. (1935). *Blue Report*. Sarawak.
- ED 379A. *Chinese Text Book Curriculum Committee*. Kuching. Jabatan Pelajaran Sarawak.
- Education Policy. Kuching. Jabatan Pelajaran Sarawak.
- Gin, O. K. (1990). Education In Sarawak During The Period Of Colonial Administration 1946—1963. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 63(2) (259), 35-68.
- Gin, O. K. (1991). Education In Sarawak: An Historical Survey, 1841-1963.
- Gin, O. K. (1994). Chinese Vernacular Education in Sarawak during Brooke Rule, 1841–1946. *Modern Asian Studies*, 28(3), 503-531.
- Gin, O. K. (1997). The attitudes of the brookes towards education in Sarawak 1841-1941. *Journal of the Malaysian Branch of the Royal Asiatic Society*, 70 (2) (273), 53-67.

- Hammond, R.W. (1937). Report on Education in Sarawak .Tidak diterbitkan. Sarawak Education Department Annual Summary 1964. Kuching: Education Department Sarawak. tanpa tahun terbitan.
- Krishnan, P., Raman, J. H. J., Darkasi, S., & Krishnan, R. (2020). Dasar British dan Jepun Terhadap Sekolah Melayu dan Tamil Sebelum Tahun 1957: British and Japanese Policy Toward The Malay And Tamil Schools Before 1957. *Jurnal Kinabalu*, 26(2), 253-253. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/ejk/article/view/2778>
- Laporan Jawatankuasa Kabinet Mengkaji Pelaksanaan Dasar Pendidikan 1979. (1980). Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lim, H. P. (1966). A Comparative Study of the Educational Systems of the Federation of Malaya, Sarawak and Sabah With a View to Recommending a Unified National System of Education for Racial Integration in the Three Territories of Malaysia. <https://escholarship.mcgill.ca/downloads/rf55z926p>
- Liu, O. P., Ong, P. H., Selvadurai, S., Radzi, M. M., & Saibeh, B. (2014). The Making of Malaysian Solidarity: A Historical Look at Education and Social Cohesion in Sarawak. *Geografi*, 10(1). [http://jurnalarticle.ukm.my/6941/1/4ok.Geografi-jan\\_2014-ong-edam.pdf](http://jurnalarticle.ukm.my/6941/1/4ok.Geografi-jan_2014-ong-edam.pdf)
- Mc Lellan, D. (1959). *Report On Secondary Education*. Kuching. Education Department.
- Mior Jamaluddin, M. K. A. (2011). Sistem pendidikan di Malaysia: Dasar, cabaran, dan pelaksanaan ke arah perpaduan nasional. *Sosiohumanika*, 4(1). <https://journals.mindamas.com/index.php/sosiohumanika/article/view/436>
- Mutalib, N. B. A. (2009). Pencapaian Masyarakat Melayu Sarawak dalam Bidang Pendidikan Sebelum Dan Selepas Merdeka: The Achievement Of Sarawak's Malay Community In Education Before And After Independent. *Jurnal Pengajian Melayu*, 20(1), 219-240. <http://mojes.um.edu.my/index.php/JPM/article/view/9688>
- No. LX, 1924. (1924), *Registration of Schools*. The Sarawak Government Gazette.
- Rancangan Malaysia Keempat (1981-1985). Kuala Lumpur. Goverment Printers. <https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RM4.pdf>
- Rancangan Malaysia Keenam (1991-1995). Kuala Lumpur. Government Printers. <https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RM6.pdf>
- Rancangan Malaysia Kelima (1986-1980). Kuala Lumpur. Government Printers. <https://www.pmo.gov.my/dokumenattached/RMK/RM5.pdf>
- Rancangan Malaysia Ketiga (1976-1980). Kuala Lumpur. Government Printers. <https://www.ekonomi.gov.my/ms/pembangunan-ekonomi/rancanganpembangunan/rmk/rancangan-malaysia-ketiga-rmke-3-1976-1980>
- Report of the Inter-Governmental Committee. (1962). Malaysia. <https://sagc.sabah.gov.my/sites/default/files/law/IGCReport.pdf>
- Sani, A. & Kumar, P. (1990). *Pendidikan di Malaysia* . Selangor. Longman Malaysia Sdn. Bhd.
- Sivalingam, A. D. (2020). History Of Malaysian Education System: Year 1824 to 2025. Social Science Research Network. [https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract\\_id=3735372](https://papers.ssrn.com/sol3/papers.cfm?abstract_id=3735372)
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 1/75, Peruntukan Masa (Percubaan) bagi Kelas Peralihan aliran Bahasa Malaysia mulai tahun 1975. (1975). Kementerian Pelajaran Malaysia. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/2761-surat-pekeliling-ikhtisas-bil-1-1975-peruntukan-masa-percubaan-bagi-kelas-peralihan-aliran-bahasa-malaysia-mulai-tahun-1975/file>
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 15/1989: Pengajaran dan Pembelajaran Bahasa Malaysia dan Bahasa Inggeris Tahun 1-KBSR. (1989). Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/1846-surat-pekeliling-ikhtisas-kpm-tahun-1989-bil-15/file>

- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 2/1994: Pelaksanaan Bahasa Malaysia di SRJK(C) dan SRJK (T) dan Bahasa Inggeris di SK/SRK serta kokurikulum di Sekolah Rendah. (1994). Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/2081-surat-pekeliling-ikhtisas-bilangan-2-tahun-1994-pelaksanaan-bahasa-malaysia-di-srjk-c-dan-srjk-t-dan-bahasa-inggeris-di-sk-atau-srk-serta-kokurikulum-di-sekolah-rendah/file>
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1990 Pengecualian Mengikut Kelas Peralihan Bagi Murid Di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (SRJK). (1990). Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/2749-surat-pekeliling-ikhtisas-bil-7-1990-pengecualian-mengikuti-kelas-peralihan-bagi-murid-di-sekolah-rendah-jenis-kebangsaan-srjk/file>
- Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. II/1977: Sukatan Pelajaran Sejarah (Baru) untuk Darjah 4-6. (1977). Kementerian Pelajaran Malaysia. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/1831-surat-pekeliling-ikhtisas-kpm-tahun-1977-bil-11/file>
- Surat Perkeliling Ikhtisas Bil. 1/1997: Dasar dan Peraturan Mengenai Nama Sekolah. (1997). Kementerian Pendidikan Malaysia. <https://www.moe.gov.my/pekeliling/2060-surat-pekeliling-ikhtisas-bilangan-1-tahun-1997-dasar-dan-peraturan-mengenai-nama-sekolah/file>
- Syed, A. S. I. & Santhiram, R. (1990). *Perkembangan Pendidikan Di Sarawak*. Kuala Lumpur. Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Teaching Profession in Sarawak*. Kuching. Sarawak Government Printing Office, 1955.
- The Sarawak Gazette Part II 1954-1955. (1955). Kuching. [https://www.pustaka-sarawak.com/gazette/gazette\\_uploaded/1402890706.pdf](https://www.pustaka-sarawak.com/gazette/gazette_uploaded/1402890706.pdf)
- The Sarawak Gazette. (1871). Kuching. Sarawak Government.
- The Sarawak Gazette. (1921). Kuching. Sarawak Government.
- The Sarawak Gazette. (1924). Kuching Sarawak Government.
- The Sarawak Gazette. (1955). Kuching. Sarawak Government Gazette. [https://www.pustaka-sarawak.com/gazette/gazette\\_uploaded/1402890510.pdf](https://www.pustaka-sarawak.com/gazette/gazette_uploaded/1402890510.pdf)
- The Sarawak Gazette. (1971). Kuching. Sarawak Government. [https://www.pustaka-sarawak.com/gazette/gazette\\_uploaded/1404373411.pdf](https://www.pustaka-sarawak.com/gazette/gazette_uploaded/1404373411.pdf)
- WoodHead, E.W. (1955). *Report upon Financing of Education and Condition of Service in the Teaching Profession in Sarawak*, Kuching; Sarawak Government Printing Office
- Yoong, C. T., & Tang, N. A. A. (2023). Pendidikan Bahasa Ibunda Cina di Malaysia: Suatu Sorotan Literatur. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities*, 8(2), e002122-e002122. <https://www.msocialsciences.com/index.php/mjssh/article/view/2122>
- Zaini, M. S. Z. (2023). Pendidikan Sebagai Alat Propaganda Gerakan Komunis Di Sarawak, 1941–1976: Education as a Propaganda Tool of the Communist Movement in Sarawak, 1941-1976. *Jurnal Borneo Arkhaialogia*, 8(1), 215-232. <https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/JBA/article/view/4843>